

Headline	Alaf21 cetus penulisan Azra Aryriesa		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	24 Dec 2012	Language	Malay
Circulation	60,000	Readership	180,000
Section	Mahkamah	Color	Full Color
Page No	28	ArticleSize	147 cm ²
AdValue	RM 809	PR Value	RM 2,426



Alaf21 cetus penulisan Azra Aryriesa



Azra Aryriesa atau nama penuhnya, Harison Abdul Halim yang berasal dari Kodiang, Kedah memiliki Diploma Seni Lukis dan Seni Reka Tekstil di Universiti Teknologi Mara dan Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan di Universiti Utara Malaysia (UUM). Beliau mula terlibat dalam bidang penulisan selepas menyertai bengkel penulisan anjuran Majalah Remaja/Alaf 21 pada 2006.

Namun beliau hanya aktif menulis pada pertengahan 2008 iaitu ketika berada di tahun akhir di UUM. Beliau mula bergiat sepenuhnya dalam dunia penulisan setelah tamat pengajian pada pertengahan 2009 sehingga ke hari ini.

Antara novel beliau yang diterbitkan ialah Cinta Sejati (2008), Kejoraku Bersatu (2009), Setiaku Di Sini (2010), dan Bersatu Dalam Cinta (2011) terbitan Buku Prima.

Bagi beliau, dunia penulisan masa kini lebih berfenomena rancak dan meriah berbanding tahun-tahun terdahulu. Kemunculan golongan penulis berbakat besar menghasilkan karya bermutu menjadikan dunia penulisan semakin tercabar untuk mengetengahkan karya yang menepati cita rasa masyarakat kini.